

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM DAN GOTONG-ROYONG
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Hanya 9 permohonan terawal gotong-royong yang akan diproses pada setiap minggu (Sabtu dan Ahad). Permohonan di kawasan senarai wabak denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan diberikan keutamaan.
2. Pemohon mestilah mengisi borang Permohonan Program dan Gotong-Royong, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan dihantar kepada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan melalui kaunter jabatan. Pemohon juga perlu memaklumkan permohonan gotong-royong kepada Ahli Majlis kawasan kecuali pihak sekolah dan agensi kerajaan.
3. Tempoh permohonan gotong-royong adalah sekurang-kurangnya 7 hari bekerja. Pihak Jabatan berhak untuk menolak permohonan bagi program hujung minggu yang dihantar kurang daripada 7 hari bekerja. Dan sebarang pindaan tarikh gotong-royong juga perlu dimaklumkan kepada jabatan dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum tarikh gotong-royong.
4. Antara kelengkapan dan peralatan yang dibenarkan untuk dipohon adalah seperti berikut, namun pihak jabatan akan mengenalpasti keperluan ditapak dan kesediaan serta kemampuan peralatan sediaada :
 - 4.1 Tong Ro-ro , satu unit bagi satu program sahaja.
 - 4.2 Kutipan Barangan Kitar Semula
 - 4.3 Lavarciding (Kawasan Kes / Hotspot Denggi)
5. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti penebangan/pencantasan pokok persendirian dan aktiviti pembuangan sisa pukal contohnya sofa, tilam, almari, meja dan lain-lain sampah dari dalam rumah semasa gotong-royong. Kenalpasti hak milik pokok / jenis sampah.
6. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti penebangan/pencantasan pokok milik Majlis, sekiranya pokok milik Majlis bermasalah sila rujuk dan panjangkan aduan kepada Jabatan Landskap, MPS untuk tindakan penyelarasan. Pihak Jabatan juga tidak menyediakan perkhidmatan memotong pokok hak milik persendirian.
7. Sampah hendaklah dikumpulkan dan ditempatkan di dalam tong yang telah dibekalkan.
8. Sila asingkan sampah kitar semula mengikut jenis (plastik,kertas, tin & kaca)
9. Pihak Jabatan **tidak menyediakan pekerja pembersihan dan peralatan gotong –royong** termasuk plastik sampah, sarung tangan dan lain-lain kelengkapan. Persatuan penduduk juga digalakkan untuk menggunakan plastik mudah urai.
10. Sekiranya terdapat keperluan yang bertindihan dengan program rasmi Majlis, pihak penganjur akan dimaklumkan untuk persediaan awal atau penukaran tarikh program.

11. Semasa aktiviti gotong-royong pihak Persatuan / Kejiranan Rukun Tetangga digalakkan menghubungi pihak kitar semula untuk menjual barang-barang kitar semula yang telah dikumpulkan dan hasil jualan disyorkan dimasukkan di dalam tabung persatuan .
12. Program bebas denggi-mencari dan memusnahkan tempat pembiakan sahaja . Fogging tidak akan dibuat semasa aktiviti gotong-royong . Fogging dibuat semasa kerja-kerja rutin harian .
13. Lori kontraktor mengangkut sampah sebanyak satu pusingan (trip) sahaja dan tong akan ditempatkan statik sahaja. Penganjur perlu memastikan matlamat gotong –royong tercapai dengan objektif yang jelas.
14. Keselamatan semasa aktiviti gotong-royong adalah tanggungjawab penganjur atau Persatuan Penduduk .
15. Tiada bantuan kakitangan atau pekerja kontraktor dibenarkan semasa gotong-royong, sebarang isu dan masalah dibawah skop pembersihan ditapak hendaklah dimaklumkan kepada pihak Jabatan untuk diambil tindakan pada hari bekerja.
16. Kegagalan mematuhi garis panduan akan menyebabkan permohonan akan datang tidak ada dipertimbangkan (blacklist) serta tindakan penguatkuasaan di atas undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
17. Lain-lain keperluan yang tidak dinyatakan hendaklah diurus sendiri oleh pihak penganjur atau Persatuan Penduduk kepada jabatan yang berkaitan.